



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SP 5303

**Nama Kursus : Sistem Perundangan Brunei dan
ASEAN**

Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah

Masa : 3 jam

Nota:

Jawab **EMPAT** soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan 1 (12.5 Markah)

i) Terangkan pandangan John Stuart Mill mengenai isu samada undang-undang perlu mencerminkan moral atau tidak.

(5 markah)

ii) Jelaskan lapan (8) perbezaan di antara Syariah dan undang-undang ciptaan manusia.

(7.5 markah)

Soalan 2 (12.5 Markah)

i) Bincangkan teori 'pengasingan kuasa' (*separation of powers*) dan cara bagaimana tiap-tiap satu badan itu terasing atau bebas daripada satu sama lain.

(5 markah)

ii) Nyatakan jenis sistem perundangan di Indonesia dan Brunei serta terangkan dua (2) perbezaannya.

(2.5 markah)

iii) Terangkan kelayakan dan batasan Dato' Yuthitham di Thailand.

(5 markah)

Soalan 3 (12.5 Markah)

Terangkan fakta, isu dan keputusan mahkamah serta jelaskan signifikan dan analisis awda berkaitan dengan kes-kes di bawah ini:

- i) **Teoh Eng Huat v Kadhi of Pasir Mas, Kelantan & Anor** [1990] 2 MLJ 300
- ii) **Che Omar Che Soh lwn PP** [1988] 2 MLJ 55
- iii) **Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah & Anor** [2004] 2 MLJ 119

Soalan 4 (12.5 Markah)

Hukum Kanun Brunei adalah bukti pelaksanaan sistem perundangan Islam di dalam sejarah Brunei Darussalam. Huraikan kenyataan ini dengan menerangkan latar belakang sejarahnya serta isi kandungannya.

Soalan 5 (12.5 Markah)

Apakah signifikan dan objektif pindaan pada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang berkuatkuasa pada 10 Jun 1988? Sila jelaskan dengan merujuk kepada perkembangan sebelum dan selepas pindaan dibuat dan sokong jawapan awda dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta kes-kes. Sila jelaskan pandangan awda samada pindaan ini berjaya atau tidak.

بالتوفيق والنجاح